Firman Allah swt: "Dan Al Quran Ini adalah suatu Kitab (peringatan) yang mempunyai berkah yang Telah kami turunkan"

5. at Tanzil

Firman Allah swt: "Dan Sesungguhnya Al Quran Ini benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta Alam",

Inilah nama-nama al Quran yang terkenal, sebahagian ulamak menganggapnya sebagai nama-nama alquran, kerana ia sebenarnya adalah sifat-sifat al Quran dan bukannya nama bagi al Quran

تعريف بالقرآن الكريم وأسمائه ومقاصده

القرآن الكريم لغة

مصدر كالقراءة، مشتق من الفعل (قرأ) بمعنى (تلا)، ثم نقل من المعنى المصدرى، وجعل اسما لكلام الله تعالى، من باب إطلاق المصدر على مفعوله.

القرآن الكريم اصطلاحاً

هو كلام الله المعجز المنزل على رسوله ﷺ، المنقول بالتواتر المتعبد بتلاوته.

أسماء القرآن الكريم

(أ) القرآن، قال تعالى: ﴿إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ﴾ (سورة الإسراء: ٩)

(ب) الكتاب، قال تعالى: ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ﴾ (سورة الكهف: ١)

(ج) الفرقان، قال تعالى: ﴿تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ﴾ (سورة الفرقان: ١)

(د) الذكر، قال تعالى: ﴿وَهَذَا ذِكْرٌ مُبَارَكٌ أَنْزَلْنَاهُ﴾ (سورة الأنبياء: ٥٠)

(هـ) التنزيل، قال تعالى: ﴿وَإِنَّمَا نُنزِلُ رُبَّ الْعَامِينَ * نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ * عَلَى قَلْبِكَ

لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ﴾ (سورة الشعراء: ١٩٢-١٩٤)

هذه أشهر أسماء القرآن الكريم، وما عده بعض العلماء أسماء للقرآن، فهي في الحقيقة صفات له، وليست أسماء.

MATLAMAT TURUNNYA AL QURAN

1) Petunjuk kepada manusia

Al Quran diturunkan untuk menjadi petunjuk kepada manusia dan membawa mereka ke arah perkara yang membahagiakan mereka di dunia dan akhirat.

Keistimewaan petunjuk ini berbanding yang lain adalah ianya merangkumi semua perkara, lengkap dan Jelas

Petunjuk al Quran adalah umum kerana Ia merangkumi dua golongan yang diberi tanggungjawab iaitu manusia dan jin pada setiap masa dan tempat.

Firman Allah melalui lidah RasulNya saw :

“dan Al Quran Ini diwahyukan kepadaku supaya dengan dia Aku memberi peringatan kepadamu dan kepada orang-orang yang sampai Al-Quran (kepadanya)”.

[Al An'am : 19]

Maksudnya:

Allah swt menurunkan Al Quran ini kepadaku melalui wahyuNya supaya Aku memberi peringatan kepadamu dengannya wahai penduduk Mekah dan juga memberi peringatan kepada orang-orang yang sampai Al-Quran (kepadanya).

Sempurnanya petunjuk ini kerana Ianya mengandungi semua perkara yang diperlukan manusia dari sudut akidah, akhlak (budi pekerti), ibadat dan muamalat.

dan juga kerana ianyamengatur hubungan seseorang itu dengan tuhanNya, dirinya sendiri, alam yang ia hidup padanya dan menepati tuntutan jiwa dan anggota badan.

Jelasnya petunjuk Al Quran itu kerana Ianya membentangkan topik dan perbincangan dengan menarik serta memberi kesan melalui pelbagai bentuk penerangan dan kaedah yang mudah diterima (oleh manusia).

مقاصد نزول القرآن

أ) هداية الناس

نزل القرآن الكريم لهداية الناس إلى ما يسعدهم في دنياهم و آخرتهم، و تمتاز هذه الهداية عن غيرها بأنها عامة، و تامة، و واضحة،

أما عمومها : فلأنها شملت الثقلين، الأنا و الجن في كل زمان و مكان،

قال تعالى على لسان رسوله ﷺ ﴿ وَأَوْحَىٰ إِلَيَّ هَٰذَا الْقُرْآنَ لِأُنذِرْكُمْ بِهِ ۖ وَمَنْ بَلَغَ ۗ﴾

(سورة الأنعام: ١٩)

المعنى : أن الله تعالى قد أنزل عليّ هذا القرآن بواسطة وحيه؛ لأنذركم به يا أهل مكة، ولأنذر به جميع من بلغه هذا القرآن،

وأما تمامها : فلأنها تضمنت أموراً يحتاج الناس إليها في عقائدهم، وأخلاقهم، و عباداتهم، ومعاملاتهم، ولأنها نظمت علاقة الفرد بربه، و بنفسه، و بالكون الذي يعيش فيه، و ووفقت بين مطالب الروح و الجسد

وأما وضوحها : فلأنها عرضت الموضوعات والقضايا عرضاً رائعاً مؤثراً، يجمع بين الإيضاح والإقناع،

2. I'jaz al Quran

Al Quran adalah mukjizat yang kekal bagi nabi saw yang menyaksikan kebenaran apa yang baginda sampaikan dari tuhanNya.

Dalil i'jaz al Quran :

Allah swt mencabar orang Arab agar mendatangkan kalimat seumpama Al Quran itu, atau 10 surah seumpamanya atau pun satu surah sahaja seumpamanya, namun mereka tidak mampu melakukannya.

Apabila bangsa Arab - sedangkan mereka mempunyai kepakaran dalam bidang fasahah dan balaghah – mereka lemah, maka bangsa lain tentunya lebih lemah lagi.

Firman Allah swt:

Katakanlah: "Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat seumpama Al Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya, sekalipun sebagian mereka menjadi pembantu bagi sebagian yang lain" (Isra' : 88)

3. Membaca al Quran merupakan satu ibadat

Antara kewajiban seorang muslim adalah memperbanyakkan bacaan al Quran kerana bacaan ini akan mengangkat darjatnya, menghapuskan dosanya dan mendidik akhlaknya serta melapangkan dadanya.

Firman Allah swt:

"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan shalat dan menafkahkan sebahagian dari rezki yang kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugikan," [Taha : 29]

Rasulullah saw bersabda:

"Barangsiapa yang membaca satu huruf daripada Al-Quran maka baginya satu kebaikan, satu kebaikan menyamai dengan sepuluh pahala, aku tidak bermaksud: Alif, Lam, Mim ialah satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf."

(Hadith sahih riwayat Tirmizi)

ب) الإعجاز

القرآن معجزة خالدة تشهد بصدق النبي ﷺ فيما بلغه عن ربه،

والدليل على أعجازه: أن الله تحدي العرب أن يأتوا بمثله، أو بعشر سور من مثله، أو بسورة

واحدة من مثله، فعجزوا.

وإذا كان العرب - وهم أرباب الفصاحة والبلاغة - قد عجزوا فغير هم أشد عجزاً، قال

تعال : ﴿ قُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ

كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴾ (الإسراء : ٨٨)

ج) التبعيد بتلاوته'

يجب على المسلم أن يكثر من تلاوة القرآن؛ لأن هذه التلاوة ترفع درجته، وتمحو سيئاته،

وتهدب أخلاقه، وتشرح صدره.

قال الله تعالي : ﴿ إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا

وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجْرَةً لَّن تَبُورَ ﴾ (سورة فاطر : ٢٩)

وقال رسول الله ﷺ : "من قرأ حرفاً من كتاب الله فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها، لا

أقول الم حرف، ولكن ألف حرف ولام حرف وميم حرف" (صحيح، رواه الترمذي)

AYAT AL QURAN PERTAMA DAN TERAKHIR DITURUNKAN

Cara mengenalinya

Ayat al Quran pertama dan terakhir diturunkan dapat diketahui dengan cara mengambilnya daripada para sahabat nabi saw yang menyaksikan penurunan wahyu. Mereka mengetahui ayat pertama dan terakhir diturunkan daripada nabi saw kemudian menyampaikannya kepada kita.

Faedah mengetahui perkara ini :

- 1) Dapat membezakan antara ayat nasikh (yang membatalkan hukum) dan ayat mansukh (yang dibatalkan hukumnya), apabila terdapat dua ayat atau lebih dalam satu topik sedangkan hukumnya berbeza antara satu sama lain dan tidak boleh menyatukannya dengan apa-apa bentuk pun. Kita akan tahu bahawa ayat terakhir turun itu telah menasakhkan ayat sebelumnya.
- 2) Mengikut sejarah perundangan Islam dan mendidik manusia secara berperingkat-peringkat.
- 3) Menerangkan sejauh mana perhatian para sahabat pada al Quran sehingga mereka tahu masa, tempat dan peristiwa yang berlaku semasa turunnya sesuatu ayat.

Ayat al Quran yang pertama diturunkan

Jumhur Ulama sepakat mengatakan Ayat al Quran yang pertama diturunkan secara umumnya adalah permulaan surah al 'Alaq sehingga ayat ke 5

“Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), [1] ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; [2]. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, [3]. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan, [4]. ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya [5]

﴿ أول ما نزل و آخر ما نزل من القرآن الكريم ﴾

طريق معرفته

يعرف أول ما نزل و آخر ما نزل من القرآن بالنقل عن الصحابة رضي الله عنهم الذين شاهدوا نزول الوحي، وعرفوا من النبي صلى الله عليه وسلم أول ما نزل و آخر ما نزل، ثم أخبرونا به.

فوائد معرفته

أ) تمييز الناسخ من المنسوخ؛ إذا وردت آيتان، أو آيات في موضوع واحد، وكان الحكم في إحدى هذه الآيات يغيّر الحكم في الأخرى، ولا سبيل إلى الحج بينهما بأي وجه، فإننا نعرف أن الآية المتأخرة في النزول قد نسخت المتقدمة.

ب) الوقوف على تاريخ التشريع الإسلامي، وتدرجه في تربية الأمة.

ج) مدى عناية الصحابة رضي الله عنهم بالقرآن الكريم حتى عرفوا زمان نزوله، ومكانه، وأسبابه.

أول ما نزل من القرآن

اتفق الجمهور على أن أول ما نزل من القرآن الكريم بإطلاق صدر سورة العلق، إلى قوله

جل شأنه: ﴿ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴾ (سورة العلق: ٥)

Dalilnya:

Hadis riwayat daripada Aisyah r.ha berkata:

Permulaan wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w ialah mimpi yang benar dalam tidur. Setiap kali bermimpi Baginda melihat ada yang datang bagaikan cahaya yang terang di pagi hari. Kemudian baginda gemar mengasingkan diri. Baginda pergi ke Gua Hira' bertahannuth beberapa malam, dengan membawa bekal. Kemudian baginda kembali ke rumah Khadijah dan Khadijah pun membekalkan makanan seperti biasa. Sehingga akhirnya datanglah kebenaran kepadanya ketika ia berada di Gua Hira' itu. Jibril datang kepadanya dan berkata: Bacalah, Rasulullah menjawab kepadanya: Aku tidak pandai membaca. " lalu Jibril merangkul dan memelukku sehingga aku merasa kesukaran untuk bernafas, kemudian dia melepaskan aku, lalu katanya: Bacalah, aku menjawab: Aku tidak pandai membaca. Lalu dia merangkul dan memelukku untuk kali keduanya, sehingga aku merasa kesukaran untuk bernafas, kemudian ia melepaskan aku, lalu katanya: bacalah, aku menjawab: Aku tidak pandai membaca. Lalu dia merangkul dan memelukku untuk kali ketiganya sehingga aku merasa kesukaran untuk bernafas. kemudian ia melepaskan aku, lalu katanya:

"Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), [1] ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; [2]. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, [3]. (al 'Alaq : 1 – 3) [Bukhari dan Muslim]

Ayat al Quran yang terakhir diturunkan

Ayat al Quran yang terakhir diturunkan secara umumnya adalah : Firman Allah swt:

"Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah". (al Baqarah : 281)

Ayat ini diturunkan 9 malam Sebelum kewafatan Rasulullah saw.

Manakala Firman Allah swt :

"Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu". (al Maidah : 3)

Ayat ini diturunkan kepada Rasulullah saw dua bulan lebih sebelum kewafatan baginda, pada hari Arafat semasa haji perpisahan, iaitu pada tahun 10 hijrah

والدليل على ذلك:

ما روي عن عائشة أم المؤمنين رضي الله عنها أنها قالت:

أول ما بدئ به رسول الله من الوحي الرؤيا الصالحة في النوم، فكان لا يرى رؤيا إلا جاءت مثل فلق الصبح، ثم حُبب إليه الخلاء، وكان يخلو بغار حراء فيتحنث - أي: يتعبد - فيه الليالي ذوات العدد قبل أن ينزع - أي يعود إلى أهله، ويتزود لذلك، ثم يرجع إلى خديجة فيتزود لمثلها، حتى جاء الحق وهو في غار حراء، فجاءه الملك فقال: اقرأ، قال: ما أنا بقارئ، قال فأخذني فغطني - أي: ضمنى - حتى بلغ مني الجهد ثم أرسلني، فقال: اقرأ، قلت: ما أنا بقارئ، فأخذني فغطني الثانية حتى بلغ مني الجهد ثم أرسلني، فقال: اقرأ، فقلت: ما أنا بقارئ، فأخذني فغطني الثالثة ثم أرسلني، فقال :

﴿اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ * خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ * اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ﴾

(سورة العلق: ١-٣) متفق عليه

آخر ما نزل من القرآن

أن آخر ما نزل من القرآن على الإطلاق: هو قوله تعالى :

﴿وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ﴾ (سورة البقرة: ٢٨١)

فقد نزلت هذه الآية قبيل وفاة النبي صلى الله عليه وسلم بتسع ليال فقط،

أما قوله تعالى :

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ﴾ (سورة المائدة: ٣)

فقد نزلت قبل وفاة النبي صلى الله عليه وسلم بأكثر من شهرين، في حجة الوداع، يوم عرفة، في السنة العاشرة للهجرة.

AYAT MAKKI DAN AYAT MADANI

Pengertian Ayat Makki dan Ayat Madani:

Ayat Makki ialah ayat yang diturunkan sebelum Hijrah (perpindahan nabi saw ke Madinah) sekalipun turunnya bukan di Mekah.

Ayat Madani ialah ayat yang diturunkan selepas Hijrah (perpindahan nabi saw ke Madinah) sekalipun turunnya bukan di Madinah.

Firman Allah swt:

“Pada hari Ini Telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu”. (al Maidah : 3)

Ayat ini adalah ayat Madani sedangkan ia diturunkan di Arafah ketika Haji perpisahan.

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya”. (An Nisa’: 58)

Ayat ini adalah ayat madani sedangkan ia turun di Mekah sekitar Kaabah pada tahun pembukaan Mekah.

Cara untuk mengetahui ayat Makki dan ayat Madani

Cara mengetahui ayat Makki dan ayat Madani hanyalah melalui apa yang diriwayatkan oleh para sahabat tentang perkara tersebut, kerana mereka hidup ketika turunnya wahyu (al Quran), mereka tahu masa dan tempat turunnya ayat tersebut.

Tanda ayat Makki:

- 1) setiap surah yang terdapat perkataan (كلا), maka ia adalah ayat makki. Perkataan ini disebut dalam al Quran sebanyak 33 kali dalam 15 surah pada separuh kedua al Quran.
- 2) Setiap surah yang terdapat ayat sajdah (sujud), ia adalah ayat makki
- 3) setiap surah yang mempunyai kisah para nabi dan umat terdahulu. ia adalah ayat makki, kecuali dua surah iaitu alBaqarah dan al Imran
- 4) Setiap surah yang dimulakan dengan huruf hijaiyah seperti (alif, lam, mim) kecuali surah al Baqarah dan ali Imran.

المكي والمدني

تعريف المكي والمدني

المكي : ما نزل قبل الهجرة، ولو كان نزوله في غير مكة.

المدني : ما نزل بعد الهجرة، ولو كان نزوله في غير المدينة.

وعلى هذا، فقله تعالى: ﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ﴾ (سورة المائدة: 3)

من القرآن المدني، مع أنه نزل بعرفة في حجة الوداع.

وقوله تعالى: ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا﴾ (سورة النساء 58)

من القرآن المدني، مع أنه نزل في جوف الكعبة عام الفتح.

طريق معرفة المكي والمدني

لا سبيل إلى معرفة المكي والمدني إلا عن طريق ما نقل عن الصحابة رضي الله عنهم لأنهم شاهدوا نزول الوحي، وعرفوا زمانه ومكانه .

ضوابط القرآن المكي

(أ) كل سورة فيها لفظ (كلام) فهي مكية، وقد ورد هذا للفظ ثلاثا وثلاثين مرة في خمس عشرة سورة، في النصف الثاني من القرآن.

(ب) كل سورة فيها سجدة فهي مكية

(ج) كل سورة فيها قصص الأنبياء، والأمم السابقة فهي مكية، ما عدا سورتي البقرة، وآل عمران.

(د) كل سورة افتتحت بحرف من حروف التهجي فهي مكية، ما عدا سورتي البقرة، وآل عمران.

Tanda-tanda ayat Madani

- 1) Setiap surah yang membicarakan tentang perundangan Islam. Ini adalah ayat Madani.
- 2) Setiap surah yang membicarakan tentang jihad dan hukumnya. Ini adalah ayat Madani.
- 3) Setiap surah yang membicarakan secara terperinci tentang orang munafiq dan sifat-sifat mereka. Ini adalah ayat Madani.

Bilangan Surah Makkiyah dan surah Madaniyah

Surah Makkiyah	surah Madaniyah	Surah yang bercampur
82 surah	20 surah	12 surah

ضوابط القرآن المدني

- (أ) كل سورة تتحدث عن التشريعات فهي مدنية.
(ب) كل سورة تتحدث عن الجهاد وأحكامه فهي مدنية.
(ج) كل سورة تتحدث عن المنافقين وصفاتهم فهي مدنية.

عدد السور المكية والمدنية

السور المختلف فيها	السور المدنية	السور المكية
اثنتا عشرة سورة	عشرون سورة	ثنتان وثمانون سورة

AL QURAN DITURUN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT

Cara Penurunan Al Quran secara berperingkat

Keseluruhan Al-Qur'an diturunkan dengan wahyu yang jelas melalui malaikat Jibril, ke dalam hati Nabi . saw, sebagaimana firman Allah swt:

“Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah” (193) “Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia)”.(194) “(Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata” (195) (as Syu'ara : 193 – 195)

Dalilnya

Antara dalil tentang Al Quran diturun secara berperingkat :

Firman Allah swt:

“Dan Al Quran itu Telah kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacaknya perlahan-lahan kepada manusia dan kami menurunkannya sebahagian demi sebahagian”. (Al Isra': 106)

Firman Allah swt:

“Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu “ (al Furqan : 32)

Tempoh turunnya Al-Quran secara berperingkat

Tempoh turunnya Al-Quran secara berperingkat kepada Rasulullah saw adalah berbeza sesuai dengan perbezaan tempoh kebangkitan Rasulullah saw semasa berada di Makkah, Pendapat pertama: tempohnya 20 tahun, Pendapat kedua: 23 tahun, dan Pendapat ketiga: 25 tahun. Pendapat yang paling tepat: Al-Quran turun secara berperingkat dalam tempoh 23 tahun.

﴿ نزول القرآن الكريم منجما ﴾

كيفيته

نزل القرآن كله بالوحي الجلي، بواسطة جبريل عليه السلام على قلب النبي ﷺ. كما قال سبحانه وتعالى:

﴿ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ * عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ * بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴾

(سورة الشعراء: ١٩٣-١٩٥)

دليله

من الأدلة على نزول القرآن الكريم منجما:

قوله تعالى: ﴿ وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴾ (الإسراء: ١٠٦)

قوله تعالى: ﴿ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ

وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴾ (الفرقان: ٣٢)

مدته

اختلف في مدة نزول القرآن منجما على الرسول ﷺ تبعاً للاختلاف في مدة بعثة الرسول ﷺ وهو في مكة، ف قيل: عشرين سنة، وقيل: ثلاث وعشرين سنة، وقيل: خمس وعشرين سنة. والأقرب للتحقيق: نزوله منجما في ثلاث وعشرين سنة.

Hikmah penurun Al-Quran secara berperingkat

i) Menetapkan hati Rasulullah saw dan mengembirakannya, menghilangkan kesukaran pada baginda, melenyapkan rasa tertekan dan sedih di dada baginda.

Firman Allah swt:

“Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu “

(al Furqan : 32)

Firman Allah swt:

“Dan semua kisah dari rasul-rasul kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya kami teguhkan hatimu”

(Hud : 120)

ii) Memudahkan hafalan dan memahaminya

Al-Quran diturunkan secara berperingkat adalah untuk memudahkan umat Islam menghafal dan memahaminya. Ini kerana sekiranya Al-Quran itu diturunkan sekaligus nescaya sukarlah orang islam untuk menghafal dan memahaminya.

Firman Allah swt:

“Dan Al Quran itu Telah kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacaknya perlahan-lahan kepada manusia dan kami menurunkannya sebahagian demi sebahagian”.

(Al Isra': 106)

Maksudnya: Kami turunkan al Quran secara berperingkat agar kamu – wahai Rasulullah saw - dapat membacaknya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan baik, kerana dengan cara itu akan memudahkan untuk menghafalnya dan membantu dalam memahaminya.

الحكمة في نزول القرآن الكريم منجماً

أ) تثبيت قلب الرسول ﷺ، وتسليته، ورفع الحرج عنه، وإزالة ما يعتري صدره من ضيق وحزن.

قال سبحانه وتعالى: ﴿ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَّاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلاً ﴾ (سورة الفرقان: ٣٢)

قال سبحانه وتعالى: ﴿ وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ ﴾ (هود: ١٢٠)

ب) تبسیر حفظه وفهمه

نزل القرآن مفرقاً؛ ليسهل على المسلمين حفظه، وفهمه؛ إذ لو نزل مرة واحدة لشق عليهم أن يحفظوه، ويفهموه.

قال سبحانه:

﴿ وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴾ (سورة الإسراء: ١٠٦)

أي نزلناه مفرقاً منجماً لتقرأه أيها الرسول – على الناس بتؤدة، وثبتت، فإنه أيسر للحفظ وأعون في الفهم.

iii) Selari dengan peristiwa yang berlaku

Hari-hari yang penuh dengan pelbagai peristiwa dan permasalahan yang berbeza-beza. Oleh itu setiap kali timbul perkara baru yang berkaitan dengan kepentingan hamba Allah di dunia dan akhirat, Al-Qur'an diturunkan untuk menjelaskan hukum yang benar tentang perkara tersebut, lalu jiwa akan menyahut dan menerimanya.

Berapa banyak permasalahan yang nabi saw menanggungkan penyelesaiannya sehingga turun Al-Quran berkaitan masalah tersebut, lalu baginda akan membacakannya. Oleh itu ayat al Quran yang diturunkan itu adalah ketetapan lisan dan keputusan yang adil yang tidak boleh mentolaknya, dan umat Islam perlu menerima dan menyukainya, seperti "peristiwa fitnah terhadap isteri nabi saw".

iv) Membina Perundangan dan pendidikan umat Islam secara berperingkat

Di antara tujuan utaman Al-Quran diturunkan secara berperingkat ialah supaya umat Islam dapat membuang sifat tercela secara beransur-ansur, seterusnya mereka hiasi dengan sifat-sifat terpuji dan bertambah baik dalam melaksanakan syariat.

Sekiranya mereka diperintah dengan semua kewajipan dan melarang mereka daripada melakukan semua kejahatan secara sekaligus, nescaya sukarlah bagi mereka, dan akan melemahkan semangat yang masil kecil untuk menerima dan berjalan seiringan dengan syariat, seperti larangan minum arak .

Bukti mukjizatnya al Quran

Walaupun Al-Qur'an diturunkan secara terpisah (berperingkat) dalam tempoh sekitar 23 tahun, dan pada waktu yang berlainan, hukumnya berbeza, dan peristiwa yang berbagai, namun ia telah diatur dengan susunan yang begitu menakjubkan, di mana anda tidak melihat kecacatan di antara ayat-ayatnya, tidak juga ada percanggahan antara kata-katanya atau maksudnya dan tidak juga ada perbezaan dalam matlamat dan tujuannya.

Firman Allah swt:

"Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuannya". (Hud : 1)

Firman Allah swt:

"Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya". (an Nisa : 82)

ج) مسایرة الحوادث

الأيام مليئة بالأحداث المتعددة، والقضايا المتنوعة، فكان كلما جد جديد من الأمور التي تعلق بمصالح العباد في الدنيا والآخرة، نزل القرآن؛ ليبين الحكم الحق فيها، فتتجاوب النفوس معه وترتضيه-

وكم من قضية توقف النبي ﷺ في البت فيها، حتى نزل في شأنها قرآن يتلى، فكان ما نزل فيها تقريرا شافيا، وحكما عادلا، لا يستطيع أحد رده، ولا يسع المسلمين إلا قبوله والرضى به، مثل حادثة الإفك.

د) التدرج في التشريع وتربية الأمة

من أهم الأهداف التي أنزل من أجلها القرآن مفرقا: التدرج بالأمة في تخليهم عن الرذائل، وتخليهم بالفضائل، والترقي بهم في التشريعات، فلو أنهم أمروا بكل الواجبات، ونهوا عن جميع المنكرات مرة واحدة لشق عليهم، ولضعفت الهمم الصغيرة عن التجاوب والمسايرة؛ مثل تحريم الخمر.

الدلالة على الإعجاز

على الرغم من نزول القرآن مفرقا في نحو ثلاث وعشرين سنة، وفي أوقات متباينة، وأحكام مختلفة، وحوادث متعددة، إلا أنه قد رتب ترتيبا عجيبا؛ بحيث لا ترى فيه خللا بين آياته، ولا تنافرا بين كلماته، ولا تناقضا في معانيه، ولا اختلافا في مقاصده ومرامييه.

قال تعالى: ﴿ كِتَابٌ أُحْكِمَتْ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴾ (سورة هود: ١)

﴿ أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴾

(سورة النساء: ٨٢)

TAFSIR AL QURAN

Pengertian tafsir

Perkataan **tafsir** dari sudut **bahasa**: Penjelasan dan penerangan.

Contoh ayat: Saya tafsirkan perkataan itu apabila saya menjelaskan dan menerangkannya.

Firman Allah swt:

“Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu)”. (al Fuqan : 33)

iaitu: menjelaskan dan menerangkannya

Tafsir dari sudut **istilah**: Ilmu yang membicarakan tentang al Quran dari sudut maksud yang dikehendaki Allah swt mengikut tahap kemampuan manusia.

Pendekatan Tafsir

Para ulamakTafsir menggunakan dua cara utama untuk menghuraikan makna al Quran:

- 1) Tafsir bil Ma'thur (tafsir dengan ayat al Quran atau hadis)
- 2) Tafsir bil Ra'yi (tafsir dengan pandangan akal)

i) Tafsir bil Ma'thur

Definisi Tafsir bil Ma'thur :

Huraian maksud ayat al Quran dengan ayat al Quran lai, hadis atau kata-kata sahabat dan tabi'e r.a

Kedudukannya

Tafsir ini adalah tafsir yang paling baik, kerana tafsir bil ma'thur itu sama ada ianya tafsir al Quran dengan al Quran – sedangkan Allah maha mengetahui maksudnya – atau tafsir al Quran dengan hadis nabi saw – Baginda adalah orang yang menerangkan kalam Allah swt - atau tafsir al Quran dengan kata-kata para sahabat nabi saw – Mereka adalah orang yang menyaksikan penurunan al Quran, mereka juga mahir bahasa Arab dan mereka begitu istimewa berbanding dengan orang lain, kerana mereka menyaksikan sebab dan keadaan ketika turunnya al Quran.

تفسير القرآن

تعريف التفسير

كلمة التفسير في اللغة معناها: الإيضاح والتبيين، تقول: فسرت الكلمة إذا وضحت معناها وبيّنته.

قال تعالى: ﴿وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا﴾ (سورة الفرقان: ٣٣) أي: توضيحا و تبيينا.

والتفسير اصطلاحا: علم يبحث فيه عن مراد الله تعالى من كلامه بقدر الطاقة البشرية.

مناهج التفسير

سلك العلماء منهجين أساسيين لتحصيل معاني القرآن هما:

أ. التفسير بالمأثور ب. التفسير بالرأي

أ. التفسير بالمأثور

تعريفه

هو بيان معنى الآية بما ورد في القرآن، أو السنة، أو أقوال الصحابة والتابعين رضي الله عنهم.

مكانته

هو أفضل أنواع التفسير وأعلىها؛ لأن التفسير بالمأثور إما أن يكون تفسيراً للقرآن بكلام الله تعالى، فهو أعلم بمراده، وإما أن يكون تفسيراً للقرآن بكلام الرسول صلى الله عليه وسلم فهو المبين لكلام الله تعالى، وإما أن يكون بأقوال الصحابة، فهم الذين شاهدوا التنزيل، وهم أهل اللسان، وتميزوا عن غيرهم بما شاهدوه من القرائن والأحوال حين النزول.

Jenis-jenisnya

Tafsiran bil ma'thur terdapat dua jenis:

- 1) tafsir yang mempunyai dalil yang sahih. tafsir jenis ini wajib diterima, dan tidak boleh meninggalkannya.
- 2) Sekiranya tidak betul, tafsir ini wajib ditolak dan tidak perlu dikaji dan dibahaskan kecuali untuk memberi peringatan supaya menghindarinya.

Sumber-sumbernya

Sumber utama (kaedah tafsir bil ma'thur) ini adalah:

1. Al-Quran

Tafsiran al-Quran dengan al-Quran adalah kaedah terbaik untuk menafsirkannya.

Contohnya tafsiran perkataan pada **firman Allah swt**:

“Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya)”
(Surat Al-Baqarah: 37)

dengan **firman Allah swt** yang lain:

“Mereka berdua merayu: Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi”.
(Surat Al-Aaraf: 23)

2. Hadis

Apabila tidak menemui tafsiran Al-Qur'an dengan Al-Quran, anda perlu menggunakan hadis, kerana ia menerangkan dan menjelaskan al Quran.

firman Allah swt:

“dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya” (Surah An-Nahl: 44)

Contoh tafsiran al-Quran dengan hadis ialah: tafsiran (المغضوب) sebagai orang-orang Yahudi dan (الضالين) orang-orang Kristian, tafsiran (الخيطة الأبيض) “benang putih” dan (الخيطة الأسود) “benang hitam” dengan **putihnya siang hari** dan **gelapnya malam hari**.

أنواعه

التفسير بالمأثور نوعان:

- (١) ما توافرت الأدلة على صحته. فهذا يجب قبوله، ولا يجوز العدول عنه
- (٢) ما لم يصح، فيجب رده، ولا الاشتغال به إلا للتحذير منه.

مصادره

أهم (طرق التفسير بالمأثور) هي :

١. القرآن

تفسير القرآن بالقرآن أفضل طرق التفسير، ومن أمثلته تفسير الكلمات في قوله تعالى:

﴿ فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ ﴾ (سورة البقرة: ٣٧)

بقوله تعالى: ﴿ قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَعْفُزْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴾

(سورة الأعراف: ٢٣)

٢. السنة

إذا لم تجد تفسير القرآن في القرآن فعليك بالسنة، فإنها شارحة للقرآن ومبينة له.

قال تعالى: ﴿ وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

(سورة النحل: ٤٤)

ومن أمثلة تفسير القرآن بالسنة: تفسير المغضوب عليهم باليهود، والضالين بالنصارى، وتفسير الخيط الأبيض والخيط الأسود بأنه بياض النهار وسواد الليل.

3. Kata-kata para Sahabat

Apabila anda tidak menjumpai tafsiran Al-Qur'an dengan Al-Qur'an atau dengan Sunnah, maka anda perlu menafsirkan dengan tafsiran para Sahabat r.a (semoga Allah meredhai mereka), kerana mereka lebih mengetahui perkara tersebut. Ini adalah kerana mereka sentiasa berdampingan bersama Rasulullah saw dan melihat sebab, peristiwa dan hakikatnya.

Antara contoh tafsiran Al-Qur'an dengan ucapan para Sahabat: Tafsiran dari Ibnu Abbas r.a tentang (أب) yang terdapat pada firman Allah swt:

“Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput” (Surah Abasa: 31)

- Rumput dan padang ragut, iaitu apa yang dimakan oleh binatang.

4. Kata-kata para Tabi'e

Terdapat banyak pentafsiran bil ma'thur dari mereka.

Buku-buku utama dalam pentafsiran bil ma'thur

1) Jami' Al-Bayan tentang tafsiran ayat-al-Quran

Pengarangnya:

Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari², Guru para pentafsir. Beliau dilahirkan di Tabaristan, Parsi pada tahun 224 Hijrah dan meninggal di Baghdad pada tahun 351 Hijrah.

Keistimewaan tafsir beliau dengan beberapa ciri kelebihan antaranya:

- Tafsir beliau bersumberkan penafsiran Nabi saw, para sahabat serta para tabi'e.
- Beliau sentiasa menyebut sanad dalam riwayatnya.
- Mengambil berat dengan memberi pelbagai pandangan dan mengemukakan pendapat yang lebih kuat.

² Tabari: adalah kapak/beliung yang digunakan untuk memecahkan kayu

٣. أقوال الصحابة

وإذا لم تجد تفسير القرآن في القرآن ولا في السنة، فعليك بتفسير الصحابة رضي الله عنهم فإنهم أعلم بذلك؛ لما اختصوا به من مجالسة الرسول صلى الله عليه وسلم ومشاهدة القرائن والأحداث والوقائع . ومن أمثلة تفسير القرآن بأقوال الصحابة: ما ورد عن ابن عباس رضي الله عنهما من تفسير (الأب) في قوله تعالى: ﴿ وَفَاكِهَةً وَأَبًا ﴾ (سورة عبس: ٣١) بالكأ والمرعي، وهو ما تأكله البهائم.

٤. أقوال التابعين

فقد ورد عنهم قدر غير قليل في التفسير بالمأثور.

أهم المؤلفات في التفسير بالمأثور

(١) جامع البيان عن تأويل آي القرآن

مؤلفه: أبو جعفر محمد بن جرير الطبري^١، شيخ المفسرين، ولد في طبرستان بلاد فارس سنة ٢٢٤ هـ وتوفي في بغداد سنة ٣١٠ هـ.

ويتميز تفسيره بمزايا منها:

- اعتماده على التفسير بالمأثور عن الرسول صلى الله عليه وسلم وأصحابه والتابعين.
- التزامه بذكر الإسناد في الرواية .
- عنايته بتوجيه الأقوال والترجيح

^١ الطبري: هو الذي يشقق به الأحطاب و(ستان) الناحية والموضع.

- iv. Beliau menyebut bentuk-bentuk 'irab.
- v. Beliau menyebut bentuk-bentuk bacaan al Quran dan panduannya.
- vi. Beliau begitu teliti dalam mengeluarkan hukum syara' daripada ayat-ayat al Quran.

2. Tafsir al-Quran al 'Azim oleh Ibn Kathir

Pengarangnya:

Abu Fida' 'Imad al-Din Ismail bin Amru bin Kathir al-Dimashqi, dilahirkan di Badra di Syam pada tahun 700 Hijrah, dan meninggal pada tahun 774 H.

Tafsir beliau adalah salah satu kitab Tafsir bil Ma'thur yang terkenal selepas Tafsiran Ibn Jarir Al-Tabari

Keistimewaan tafsir ini adalah seperti berikut:

- i. Beliau menyebutkan ayat kemudian menafsirkannya dalam bahasa yang mudah dan ringkas.
- ii. Beliau mengumpulkan beberapa ayat yang sesuai untuk ayat tersebut, dan membandingkannya.
- iii. Beliau menyebutkan hadis-hadis marfu' yang berkaitan dengan ayat tersebut, kemudian beliau kaitkan dengan ucapan para sahabat, tabi'e dan para ulama Salaf r.a (semoga Allah meredhai mereka semua).
- iv. Beliau sertakan selepas pentafsiran bil ma'thur dengan perkara israiliat yang tidak tepat dengan memberi penjelasan tentang bahayanya dan boleh memberi kesan yang buruk terhadap akidah umat Islam.

د. ذكره لوجوه الإعراب.

هـ. ذكره للقراءات القرآنية وتوجيهها.

و. دقته في استنباط الأحكام الشرعية من الآيات.

٢. تفسير القرآن العظيم لابن كثير رحمه الله

مؤلفه: أبو الغداء عماد الدين إسماعيل بن عمرو بن كثير الدمشقي، ولد في بصرى في الشام

سنة ٧٠٠ هـ، وتوفي سنة ٧٧٤ هـ.

ويعد تفسيره من أشهر كتب التفسير بالمأثور بعد تفسير ابن جرير الطبري

ويتميز بما يلي

أ. يذكر الآية، ثم يفسرها بعبارة سهلة، موجزة.

ب. يجمع الآيات المناسبة للآية، ويقارن بينها.

ج. يذكر الأحاديث المرفوعة التي لها صلة بالآية، ثم يردف هذا بأقوال الصحابة والتابعين

وعلماء السلف رضي الله عنهم.

د. يعقب على ما في التفسير بالمأثور من منكرات الإسرائيليات غالبا مبينا خطورتها ومحذرا

من أثرها السيئ على عقائد المسلمين.

2. Tafsir bil Ra'yi (tafsir dengan pandangan akal)

Definisinya:

Tafsir al Quran berdasarkan ijtihad yang memenuhi syarat-syaratnya, iaitu – setelah sempurna akidah dan sentiasa berpegang dengan peraturan agama – menguasai ilmu usuludin, ilmu bahasa dan asal perkataan, ilmu balaghah, ilmu fekah, ilmu usul fekah, ilmu sebab turunnya ayat dan lain-lain lagi.

Pembahagian bentuk tafsir ini

Tafsir bil Ra'yi terbahagi kepada dua bahagian:

1. Tafsir dengan pandangan akal yang terpuji

Tafsir ini adalah penafsiran yang berasal dari Al-Quran dan dari sunnah Rasulullah saw, dan pengarangnya adalah seorang yang mahir bahasa Arab dan gaya bahasanya, serta mahir dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Hukumnya

Para ulama mengharuskannya dan mereka mempunyai banyak dalil bagi perkara tersebut, antaranya:

i) Firman Allah swt:

“(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?”

Dan ayat-ayat lain yang mengajar supaya merenung dan meneliti Al-Quran.

ii) Doa Rasulullah saw untuk Ibnu Abbas r.a.: (Ya Tuhan, berikanlah kefahaman agama kepadanya dan anugerahkanlah ilmu pengetahuan tentang pentafsiran kepadanya). Sekiranya pentafsiran itu hanya terbatas pada nas-nas (al Quran dan hadis), dan tidak dibenarkan untuk berijtihad padanya, nescaya Ibnu Abbas tidak akan memiliki kelebihan berbanding dengan orang lain.

iii) Para Sahabat r.a berbeza pendapat dalam mentafsir ayat-ayat al Quran, jadi ini menunjukkan bahawa perkara tersebut adalah daripada ijtihad mereka.

Oleh itu, jelaslah tafsir dengan pandangan akal yang terpuji adalah dibenarkan.

ب. التفسير بالرأي

تعريفه

هو تفسير القرآن بالاجتهاد المستوفي لشروطه، وهي - بعد توفر صحة الاعتقاد ولزوم سنة الدين - أن يكون ملماً بأصول الدين واللغة والاشتقاق وعلوم البلاغة والفقه وأصوله وأسباب النزول. . . إلخ.

أقسامه

ينقسم التفسير بالرأي إلى قسمين:

١. التفسير بالرأي المحمود

وهو التفسير المستمد من القرآن ومن سنة الرسول ﷺ، وكان صاحبه عالماً باللغة العربية وأسالبيها، وبقواعد الشريعة وأصولها.

حكمه

أجازته العلماء، ولهم أدلة كثيرة على ذلك منها:

(أ) قوله تعالى: ﴿ أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴾ (سورة محمد: ٢٤)

وغيرها من الآيات التي تدعو إلى التدبر في القرآن الكريم.

(ب) دعاء الرسول ﷺ لابن عباس رضي الله عنهما بقوله: (اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل)، ولو كان التفسير مقصوراً على النقل، ولا يجوز الاجتهاد فيه لما كان لابن عباس ميزة على غيره.

(ج) أن الصحابة رضِيَ اللهُ عنهم اختلفوا في التفسير على وجوه، فدل على أنه من اجتهادهم.

وبهذا يظهر أن التفسير بالرأي المحمود جائز. والله أعلم.

Buku-buku utama bagi tafsir ini:

Kitab Mafatih Ghaib atau Tafsir Kabir.

Pengarangnya:

Abu Abdullah Muhammad bin Umar al-Razi, yang digelar Fakhr al-Din, lahir di ar Rai - di Parsi - tahun: 544 Hijrah, dan meninggal pada tahun 606 M

Tafsir beliau dianggap adalah salah satu tafsiran yang paling luas. Beliau banyak terpengaruh dengan ilmu-ilmu akal dan mendalaminya. Beliau menggunakan cara pujangga dan ulama kalam dalam mentafsirkan al Quran. Beliau menyebut dalam tafsirnya ilmu matematik, geografi, astronomi dan perubatan.

2. Tafsir dengan pandangan akal yang tercela

Tafsir ini ialah tafsir dengan pendapat dan nafsu sahaja.

Sebahagian besar dari mereka yang mentafsirkan Al-Quran dengan semata-mata pendapat dan nafsu mereka sahaja adalah golongan sesat, yang berpegang dengan kepercayaan salah yang tidak mempunyai sandaran atau dalil. Oleh itu, mereka mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an dengan cara yang sesuai dengan pendapat dan kepercayaan mereka yang salah, dan mereka melakukan sedemikian hanyalah dengan semata-mata pendapat dan nafsu mereka.

Hukumnya:

Hukumnya adalah **haram**, dan dalil yang menunjukkan sedemikian adalah banyak, antaranya:

1. Firman Allah swt:” dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya”. (Surah Al-A'raf: 33)
2. Firman Allah swt: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya” (Surat Al-Isra: 36)

أهم المؤلفات فيه:

مفاتيح الغيب أو التفسير الكبير.

مؤلفه: أبو عبد الله محمد بن عمر الرازي الملقب بفخر الدين، ولد في الري - ببلاد فارس -

سنة: ٥٤٤ هـ، وتوفي سنة ٦٠٦ م

ويعد تفسيره من أوسع التفاسير، فقد تأثر كثيرا بالعلوم العقلية، فتوسع فيها، وسلك في تفسيره مسلك الحكماء والفلاسفة وعلماء الكلام، واستطرد في العلوم الرياضية والطبيعية والفلكية والمسائل الطبية.

٢. التفسير بالرأي المذموم

التفسير بمجرد الرأي والهوى.

وأكثر الذين فسروا القرآن بمجرد الرأي هم أهل الأهواء والبدع، الذين اعتقدوا معتقدات باطلة ليس لها سند ولا دليل، ففسروا آيات القرآن بما يوافق آراءهم ومعتقداتهم الزائفة، وحملوها على ذلك بمجرد الرأي والهوى.

حكمه:

حرام، والأدلة على ذلك كثيرة منها:

- ١) قوله تعالى: ﴿وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾ (سورة الأعراف: ٣٣)
- ٢) وقوله سبحانه: ﴿وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ﴾ (سورة الإسراء: ٣٦)

Buku-buku utama bagi tafsir ini:

Kitab Miraatul Anwar wa Misykatul Asrar

Pengarangnya:

Maula Abdul-Latif Al-Kazrani.

Tafsir ini adalah rujukan utama bagi pentafsiran al Quran di kalangan pengikut Imamiyyah ithna 'asyriah- satu kumpulan daripada kumpulan-kumpulan mazhab Syiah – 'asyriah, dan ia juga sebagai sumber bagi mereka yang ingin mengetahui sejauh mana pengaruh kepercayaan pengarangnya dalam memahami Kitab Allah, dan membicarakan nas al Quran mengikut kecenderungan mazhabnya, dan semangat Syiahnya.

أهم المؤلفات فيه

مرآة الأنوار ومشكاة الأسرار.

مؤلفه: هو المولى عبد اللطيف الكازراني.

ويعد هذا التفسير مرجعا مهما من مراجع التفسير عند الإمامية الاثنا عشرية – فرقة من فرق الشيعة – عشرية، وأصلا لمن يريد أن يقف على مدى تأثير عقيدة صاحبه في فهمه لكتاب الله، وتنزيله لنصوصه على وفق ميوله المذهبية، وهواه الشيعي.